

11 JUL 2000

Mahathir-Kepimpinan/I

M'SIA KEKAL STABIL WALAUPUN TANPA BELIAU SEBAGAI PM, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau yakin bahawa Malaysia akan kekal stabil dan terus membangun walaupun tanpa pimpinan beliau kerana kerajaan sedang meletakkan barisan pemimpin gantian yang diperlukan.

Ini akan memastikan bahawa pembangunan negara boleh diteruskan tanpa beliau, kata Perdana Menteri sebagai mengulas satu laporan yang meramalkan ketidakstabilan di Malaysia dalam era selepas Dr Mahathir.

Beliau ditanya mengenai satu laporan Far Eastern Economic Review (FEER) yang memetik Agensi Perisikan Pusat (CIA) Amerika Syarikat yang meramalkan ketidakstabilan di Malaysia selepas pemergian Dr Mahathir.

"Saya berpendapat itulah yang mereka jangkakan, yang mereka mahukan. Mana-mana negara yang stabil, mereka akan cuba untuk menggugat kestabilan itu," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas melancarkan konvensyen dan pameran keluli struktur Malaysia di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata apabila rakyat bergaduh dan membunuh satu sama lain, peramal asing ini akan berkata "kepimpinan negara itu tidak tahu bagaimana untuk mentadbir negara."

Mengulas laporan yang sama yang mengunjurkan ekonomi Malaysia tidak stabil dalam tahun-tahun akan datang "kerana langkah kerajaan menyelamatkan syarikat tertentu semasa kemerosotan ekonomi baru-baru ini," Dr Mahathir berkata beliau tidak bersetuju dengan kenyataan itu.

"Negara mereka sendiri menggunakan wang untuk menyelamatkan syarikat-syarikat mereka. Dan syarikat-syarikat itu sudah boleh maju," katanya.

"Seperti perbadanan motor mereka, ia sudah jatuh (dan) mereka menyelamatkannya, LTCM (Dana Pengurusan Modal Jangka Panjang) menjadi bankrap, mereka menyelamatkannya...dan mereka berkata tindakan itu adalah baik untuk negara mereka. Jadi ia pastinya baik untuk kita kerana kita hanya mencontohi mereka," katanya.

Ditanya mengenai ramalan yang sama yang menjangkakan kembalinya bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Dr Mahathir berkata, "Saya tidak tahu, saya rasa mereka lebih mengetahui sesuatu daripada saya."

-- BERNAMA

AR ES RON